

KEGIGIHAN PM BEKERJA PERLU DICONTOHI

BH 14 JUN 1982
APABILA Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyebut dalam Manifesto Pilihanraya Barisan Nasional bulan April lalu bahawa kerajaan pimpinan beliau akan mengamalkan prinsip cekap, bersih dan amanah, ramai orang menyangka bahawa itu semata-mata label baru bagi sesuatu yang telah pun wujud.
Sejak Perdana Menteri mengambil alih kuasa dari Tun Hussein Onn pada bulan Julai tahun lalu, orang ramai dapat menyaksikan

peribadi Perdana Menteri sebagai pemimpin, beliau merupakan manusia biasa, yang terbatas tenaga jasmaninya dan terhadap waktu berjaga.
Di akhir-akhir ini sumber-sumber yang rapat dengan beliau melaporkan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir sringkali bekerja hingga jauh malam, tiap-tiap hari, tanpa mengambil masa rehat yang sepatutnya, kerana meneliti dan menyelesaikan banyak masalah-masalah negara.
Beliau pernah merungut di hadapan orang-orang tertentu

atau pegawai tinggi kerajaan harus dihantar menjalani kursus motivasi atau kepimpinan sebagai cara untuk menghasilkan fikiran dan tindakan yang bernas dari mereka. Apakah pernah terlintas di fikiran Perdana Menteri untuk melakukan demikian?
Orang mungkin bertanya, kalau Perdana Menteri tidak puas hati dengan seseorang menteri atau pegawai, apakah yang menghalang beliau memecat orang itu? Bukankah Perdana Menteri mempunyai kuasa untuk melantik dan menggugurkan se-

Dalam waktu yang singkat tidak mungkin beliau membersihkan apa yang sudah wujud berpuluh-puluh tahun.
Walaupun orang ramai mengharap bahawa seorang pemimpin besar seperti Datuk Seri Dr. Mahathir boleh membuat perubahan yang drastik, harapan ini melampaui batas kemampuan manusia.
Seorang penasihat rapat Perdana Menteri yang saya temui mengakui bahawa mungkin cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah" ini masih belum disedari dan difahami secukupnya, terutama oleh golongan yang memimpin

supaya keberaniannya memulakan sesuatu yang belum pernah dicuba, kegigihannya bekerja tanpa mengira penat lelah, menjadi contoh teladan. Tanpa mengambil teladan ini, maka harus cogan kata Bersih, Cekap dan Amanah ini kekal sebagai cogan-kata yang tidak teramalkan.

suatu bentuk dan cara pentadbiran yang lain dari apa yang pernah dialami selama ini.

Cara bekerja Datuk Seri Dr. Mahathir, cara beliau bertindak dan mengeluarkan pendapatnya, dirasakan jauh berbeza dengan tokoh-tokoh yang mendahuluinya. Sedikit sebanyak orang merasakan bahawa zaman baru dalam politik dan pentadbiran negara telah tiba.

Beberapa tindakan pentadbiran baru ini dalam bulan-bulan terakhir tahun lalu dan awal tahun ini juga menguatkan perasaan bahawa perubahan ini menjalar ke setiap pelosok negara dan menjangkiti setiap rakyat dari segnap peringkat masyarakat.

Menepati

Lantas, apabila pilihanraya umum dilsyitiharkan, dan pucuk pimpinan Barisan Nasional mengemukakan ramai muka baru sebagai calon, orang ramai menyangka bahawa siapa saja yang ditonjolkan itu sudah sedia menepati kriteria bersih, cekap dan amanah yang menjadi tema ulung dalam kempen yang berlangsung.

Tetapi hasrat mewujudkan kerajaan bersih, cekap dan amanah bukanlah boleh tercapai semata-mata dengan menyuarakan hasrat itu. Betapa besarnya azam Perdana Menteri untuk mencapai matlamat itu, betapa tinggi kaliber

bahawa kecekapan yang diharapkannya di kalangan para menteri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang lain masih jauh dari memuaskan. Akibatnya beliau terpaksa bukan saja mengawasi perkembangan negara secara menyeluruh tetapi juga meneliti tiap-tiap persoalan yang dibangkitkan atau projek yang hendak dilaksanakan.

Orang-orang yang rapat dengan beliau merasakan ini tidak harus dibebankan ke atas seorang Perdana Menteri. Tugas jawatan itu sepatutnya membuat dasar dan menentukan garis-garis kasar sahaja. Peranan pemimpin menyatakan arah dan matlamat, bukan untuk memandu jentolak yang akan meredah hutang atau belukar yang ada di hadapan.

Minggu lalu, Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, menyeru anggota-anggota lembaga pengarah agensi-agensi di bawah kementerian, supaya jangan mengamalkan sikap pak turut sahaja. Tidak mengeluarkan pendapat sendiri, tidak mengambil daya usaha tanpa disuruh atau diperintah oleh orang atasan. Apakah tidak mungkin Perdana Menteri menghadapi masalah yang sama dengan pegawai-pegawainya atau dengan Kabinetnya?

Memanglah amat lucu kalau para men-

stapa sahaja dari kalangan menterinya atau pegawainya yang kurang bersih, kurang cekap atau kurang amanah?

Datuk Seri Dr. Mahathir dikenali sifatnya tegas, yang kadangkala dianggap keras. Tetapi orang-orang yang rapat dengannya mengenali sebaliknya. Peribadinya yang sebenar tidak suka memarahi orang, atau mengeluarkan kata-kata kesat.

Beliau lebih senang berlemah lembut dan bersopan santun. Dan inilah yang kadangkala disalahfahamkan oleh orang-orang tertentu.

Dalam memilih calon-calon Parlimen atau Dewan Negeri, adalah mustahil bagi seseorang Perdana Menteri atau ketua parti mengenali sendiri dalam-dalamnya peribadi setiap calon. Soal sama ada seorang itu bersih, cekap atau amanah selalunya terpulung kepada pemimpin-pemimpin di peringkat yang lebih bawah atau pendapat umum di sesuatu kawasan.

Oleh kerana itu, memang tidak dapat dielakkan kalau dalam masa yang suntuk ramai juga orang-orang yang tidak menepati kriteria itu terpilih sebagai calon dan mendapat tempat dalam pentadbiran. Datuk Seri Dr. Mahathir juga mewarisi suatu organisasi politik dan sistem pentadbiran.

atau mentadbir. Sedikit sebanyak cogankata ini memerlukan pencerangan dan takrif yang lebih jelas di kalangan masyarakat.

Tetapi bukanlah tugas Perdana Menteri pula untuk menulis

buku atau memberi ceramah setiap masa. Di sinilah daya usaha dan pemikiran para menteri lain, para pegawai tinggi dan pemimpin parti di setiap peringkat amat diperlukan.

Merupakan seharusnya mengumpulkan anak buah masing-masing untuk diberi tunjuk ajar bagai mana mengamalkan konsep pentadbiran bersih, cekap dan amanah.

Dalam ucapan-ucapan dan tindakan-tindakannya Datuk Seri Dr. Mahathir sentiasa mencabar kita untuk mengubah cara kita berfikir dan cara kita bekerja, untuk meneroka bidang-bidang dan pengalaman-pengalaman yang baru. Dari bergantung kepada Barat, diarahkan melihat ke Timur, dari berpaut kepada Britain disuruh mengkaji pilihan lain.

Yang lebih penting, dan mungkin Perdana Menteri malu untuk menyatakannya, ialah